

No. Soalan: 196
PR-1343-T77277

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**
[JELUTONG]

SOALAN : **Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan dasar dan Malaysia mengenai
pangkalan-pangkalan bersenjata yang
dibina oleh Republik Rakyat China di
kepulauan Laut China Selatan. Apakah
impak dari segi perhubungan diplomat di
rantau ini kerana ia telah mencetuskan
persengketaan antara negara-negara
Asean.

JAWAPAN:

Dalam konteks menangani ancaman kumpulan pengganas Daesh ini, langkah-langkah tegas dilaksanakan secara berterusan kerana ia benar dan memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara. Sejak 2013 hingga 7 Oktober 2016, seramai 255 elemen kumpulan pengganas Daesh telah ditangkap di negara ini.

Daripada jumlah tangkapan tersebut, seramai 121 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, 36 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959, 13 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015, 21 orang warga asing telah diusir dari Malaysia dan bakinya iaitu 64 orang telah dibebaskan. Berdasarkan rekod penahanan ini, ia jelas membuktikan komitmen tinggi Kerajaan dalam usaha membanteras kegiatan kumpulan pengganas Daesh daripada terus menular demi memelihara kedaulatan negara dan juga keselamatan rakyat Malaysia secara umumnya.